

ABSTRAK

Kajian ini menyelidik tentang sikap bahasa komuniti atas-talian yang berbangsa Cina di Kuching, Sarawak. Variasi-variasi yang dikaji ialah bahasa Mandarin Standard, bahasa Mandarin basahan, dialek Hokkien, dan dialek Kantonis. Instrumen pengumpulan data terdiri daripada ujian *matched-guise* (kaedah tidak langsung) dan soal selidik (kaedah langsung). Sejumlah 403 responden mengambil bahagian dalam survei kajian yang berlangsung selama kira-kira satu bulan. Dapatan berdasarkan ujian *matched-guise* dengan sokongan daripada maklum balas responden dalam soal selidik mencadangkan faktor-faktor sosial iaitu jantina, kumpulan umur, taraf pendidikan, taraf sosioekonomi, dan bahasa pertama mempunyai pengaruh ke atas penilaian variasi-variasi. Secara keseluruhannya, bahasa Mandarin Standard sebagai variasi standard dan dialek Kantonis sebagai variasi asing di Kuching dinilai tinggi dan positif secara konsisten dari kedua-dua dimensi status dan kekitaan. Di antara dua variasi tempatan, dialek Hokkien dinilai lebih tinggi dari dimensi status sedangkan penilaian untuk bahasa Mandarin basahan dilaporkan sebagai lebih menyerlah dari dimensi kekitaan. Rasional-rasional telah dibekalkan dalam kajian ini bagi menjelaskan dapatan sedemikian.

ABSTRACT

This study was carried out to investigate the language attitudes of the Chinese online community in Kuching, Sarawak. The varieties studied were Standard Mandarin, colloquial Mandarin, Hokkien and Cantonese. The instruments used for data collection consisted of matched-guise test (indirect method) and questionnaire (direct method). A total of 403 respondents took part in this approximately one-month long survey. Results yielded from the matched-guise tests with supporting evidence from feedback through questionnaires suggest that social factors, namely gender, age group, level of education, socioeconomic status as well as first language do influence evaluations towards the varieties. Generally, Standard Mandarin as a standard variety and Cantonese as a foreign variety in Kuching were rated high and positive consistently for both the dimensions of status and solidarity. Among the two local varieties, Hokkien was rated higher in status while colloquial Mandarin prevailed in the solidarity dimension. Rationales were given to explain such findings.

PENGHARGAAN

Penghasilan laporan penyelidikan ini dengan jayanya adalah setelah melalui tiga peringkat utama, iaitu penyediaan rangka kajian, pengumpulan data, dan penulisan. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengutarakan penghargaan kepada individu-individu/pihak tertentu yang banyak menyumbang dalam setiap peringkat tersebut.

Dalam peringkat penyediaan rangka kajian, saya ingin mengajukan ucapan terima kasih terutamanya kepada Adeline Sim Chai Ling, Lim Zu Ying, Evelyn Ting Mei Ling, Tan Shin Yee, Jacinta Yeo Jiin Yih, Chuah Kee Man dan Ch'ng Looi Chin atas sokongan padu mereka, selain pendapat yang diberikan dalam memperbaiki rangka kajian.

Dalam peringkat pengumpulan data dan penulisan, ibu saya Voon Sze Kiaw, ibu saudara saya Voon Siew Chi, adik-adik saya Lam Kai Yung dan Pauline Sim Poh Ling, serta sahabat baik saya Tay Lee Tek telah membantu dengan amat aktif. Tanpa pertolongan mereka, adalah mustahil untuk saya mengumpul bilangan responden yang mencukupi dalam lingkungan tempoh kajian. Jasa Lee Tek juga dikenang kerana kesudiannya meminjamkan komputer riba kepada saya. Selain itu Dr. Ting Su Hie turut memberikan input yang amat bernilai untuk instrumen kajian ini, di samping mengambil berat tentang kemajuan saya sepanjang proses penulisan. Di sini saya ingin meluahkan penghargaan yang tidak terhingga kepada mereka semua.

Penyelia saya Profesor Madya Dr. Kamila Ghazali dari Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa dan Linguistik telah memberikan tunjuk ajar yang begitu konstruktif

kepada saya, biar dari segi kandungan kajian mahupun dari segi teknikal; di samping keprihatinan dan kesabaran beliau semasa memimpin saya dalam ketiga-tiga peringkat tersebut. Cadangan dan timbal balas beliau telah memberikan inspirasi kepada saya dalam membangunkan keseluruhan laporan ini dengan lancar. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Profesor Madya Dr. Kamila Ghazali.

Akhir sekali, saya ingin memberikan pengiktirafan dan juga rakaman terima kasih kepada Universiti Malaysia Sarawak sebagai penaja kepada pengajian Sarjana saya di Universiti Malaya.